

**PEMBERITAHUAN TAWARAN
KEMENTERIAN KEWANGAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Bilangan Tawaran : **KKW/UKK/TDR/2026-01**
Tajuk Tawaran : **PEMBEKALAN DUA (2) BUAH KENDERAAN BAGI KEGUNAAN
KEMENTERIAN KEWANGAN**
Yuran Tawaran : **BND30.00**
Yuran e-dokumen : **BND5.00**

Syarat-syarat tawaran:

1. Tawaran-tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal seperti berikut:
 - a. Berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
 - b. Pembekal / Pengedar kenderaan keluaran negara Jepun dan Korea Selatan sahaja
2. Dokumen-dokumen sebutharga serta penerangan lanjut bolehlah diperolehi dari **Unit Korporat Komunikasi, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia dan Hal Ehwal Korporat di Tingkat 15, Tower Block, Bangunan Kementerian Kewangan** semasa waktu-waktu bekerja.
3. Yuran tawaran berharga **BND30.00** dan **BND5.00** tidak akan dikembalikan kepada setiap penender yang ikut serta dalam tawaran ini sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya. Pembayaran yuran tawaran dan e-dokumen adalah dengan WANG TUNAI sahaja dan hanya boleh dibuat di Kaunter Kewangan, Tingkat 15, Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, pada hari dan waktu bekerja iaitu hari **Isnin hingga Khamis dari jam 8.00 pagi hingga 11.15 pagi dan 1.30 petang hingga 2.30 petang** dan hari **Sabtu dari jam 8.00 pagi hingga 10.30 pagi sahaja**.
4. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar ke alamat yang tersebut di bawah dalam sampul surat yang tertutup dengan ditulis bilangan / nama tawaran dan tarikh tutup tanpa menunjukkan identiti pemborong dan dialamatkan kepada:

**Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil
Kementerian Kewangan
Peti Tawaran, Tingkat 1
Bangunan Kementerian Kewangan
Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan BB3910
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

5. Tawaran hendaklah dihantar tidak lewat dari **jam 2.00 petang, hari Selasa, 21 Julai 2026**. Semua tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima sebutharga yang paling rendah atau lain-lain tawaran.